

PM bangga kemampuan jurutera muda Malaysia

BH 13 JUN 2002

GENEVA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejayaan jurutera muda negara yang terbabit dalam projek mereka bentuk dan membangunkan enjin kereta dan motosikal di bawah projek Sauber-Petronas, menunjukkan negara mampu membuat dan mencapai apa saja.

"Saya bangga dengan kejayaan mereka dan seluruh negara seharusnya bangga. Apa yang saya kesali ialah bilangan mereka tidak ramai. Kita perlu lebih ramai lagi jurutera ini," katanya kepada wartawan Malaysia di sini semalam pada akhir lawatan rasmi tiga harinya ke Switzerland.

Pada lawatan itu, selain mengadakan pertemuan dengan pihak kerajaan dan swasta negara itu, Perdana Menteri mengambil kesempatan melawat kemudahan Sauber Petronas Engine ring AG (SPE), syarikat milik 40 peratus Petronas di Hinwil, kira-kira 90 minit dengan kereta dari Zurich.

Petronas melalui projeknya di SPE ini yang membabitkan sekumpulan 16 jurutera Malaysia, kini sudah bersedia mengkomersialkan enjin kereta dan motosikal yang direka bentuk selepas menghasilkan enjin prototaip 2.0 liter berasaskan teknologi Formula Satu pada 1998.

Dr Mahathir berkata jurutera muda negara itu terbabit dalam mereka bentuk dan pembangunan tek-

nologi enjin yang canggih dan terkini.

"Dengan keupayaan kejuruteraan sedemikian, negara bukan saja boleh membuat enjin kereta atau motosikal, tetapi juga kapal terbang dan bot," katanya dalam sidang akhbar di Intercontinental Hotel di sini sebelum berlepas ke Luxembourg untuk meneruskan lawatan ke Eropah yang turut membabitkan pertemuan dengan ketua gereja Katolik, Pope John Paul II di Vatican City Jumat lalu.

Perdana Menteri berkata kejayaan negara menguasai keupayaan kejuruteraan berkenaan bermakna Malaysia sudah mampu untuk bersaing di pasaran dunia dalam bidang itu.

Beliau berkata jurutera Petronas yang terbabit menunjukkan keyakinan diri yang tinggi dalam melaksanakan tugas mereka.

"Mereka benar-benar memahami kerja mereka dan gigih dalam menjalankan tugas. Ada di antaranya yang mendapat latihan di Jerman turut fasih bertutur dalam bahasa itu.

"Mereka bukan hanya patut menjadi sumber inspirasi kepada anak muda, tetapi juga semua rakyat Malaysia," kata Dr Mahathir.

Berikutan usaha yang dijalankan oleh jurutera muda negara itu, Petronas yang memiliki hak intelektual terhadap hasil penyelidikan dan pembangunan di

SPE, akan mengeluarkan secara komersial enjin kereta 1.8 dan 2.2 liter menjelang 2004.

Enjin yang bakal dikeluarkan itu adalah sesuatu yang terkini dari segi teknologi, berprestasi tinggi, kecil dan padat serta memenuhi keperluan peraturan alam sekitar, termasuk standard Eropah.

Dr Mahathir berkata walaupun Petronas kini sedang menguji enjin berkenaan dalam kereta Proton, syarikat kereta nasional itu tidak semestinya menjadi pasaran tunggal enjin Petronas.

"Kita perlu mengeluarkan enjin itu untuk pasaran dunia kerana projek seumpama itu memerlukan pengeluaran kira-kira 400,000 dan 500,000 unit setahun untuk menjamin ia mampu memberi keuntungan," katanya.

Mengenai lawatannya ke Switzerland yang membawa beliau ke Zurich, pusat kewangan negara itu serta pusat diplomatiknya yang menjadi lokasi banyak ibu pejabat agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Dr Mahathir menyifatkan lawatan itu berhasil kerana ia memberi prospek untuk peningkatan perhubungan perdagangan dan diplomatik antara kedua-dua negara.

Selain mengadakan pertemuan dengan Presiden Switzerland, Kaspar Villinger dan anggota kabinetnya serta wakil sektor

swasta, Perdana Menteri juga menyampaikan ucapan di Persidangan Buruh Antarabangsa (ILC) di Palais des Nations di sini, ia itu yang pertama oleh pemimpin negara sejak Tun Abdul Razak tiga dekad lalu.

Ucapan Dr Mahathir yang menyentuh globalisasi mendapat tepukan gemuruh delegasi ILC yang terdiri daripada wakil kerajaan, pekerja dan majikan daripada 175 negara anggota Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Kebanyakan ahli delegasi yang ditemui berkata ucapan perdana menteri agak berani dan teras teringat kerana ia mengemukakan hasrat sesetengah pihak untuk menyempitkan globalisasi hanya kepada kebebasan pengaliran modal.

Mengenai reaksi kepada ucapannya itu, Dr Mahathir berkata memang benar ramai yang mengucapkan tahniah kepada beliau tetapi: "Ada juga, mungkin pihak swasta, yang tidak gemar kepada apa yang dikatakan oleh saya," katanya.

Pada lawatannya ke Switzerland, Dr Mahathir turut diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.